

# USAHA TINGKATKAN PROSES PELEPASAN GELANG TANGAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ihsan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 24 Oktober. - Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa sepertimana kenyataan media Kementerian Kesihatan pada 11 September 2021 berhubung dengan pemakaian gelang tangan bagi mereka yang telah dikenal pasti positif COVID-19 dan juga bagi kontak-kontak yang telah dikenakan Perintah Kuarantin Digital (PKD).

Sehubungan itu, sebagai langkah tambahan pengawalan COVID-19 di negara ini, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan bersama pelbagai agensi telah menggunakan kaedah pemakaian gelang tangan tersebut sejak 15 September 2021.

Dalam hal ini, terdapat dua jenis gelang tangan yang akan dipakai bagi pesakit COVID-19 dan kontak-kontak terdekat, pertama, bagi individu-individu yang dikenal pasti positif COVID-19 iaitu Kod BruHealth Ungu, mereka dikehendaki untuk memakai gelang tangan berwarna merah.

Manakala, kedua pula ialah bagi kontak-kontak terdekat seperti kontak utama, kontak sekunder atau kontak Bluetooth yang dikenakan PKD dengan Kod BruHealth Merah akan memakai gelang tangan berwarna biru di Pusat-pusat Swab semasa individu tersebut diarahkan untuk menjalani Uji Swab.

Kriteria pengecualian pemakaian gelang tangan tersebut adalah bagi para pelancong, individu yang

diarahkan untuk menjalani Uji Swab hari ke-12 iaitu swab kedua, petugas barisan hadapan sektor kesihatan dan individu yang menjalani Uji Swab bagi Surviliants.

Walau bagaimanapun, kontak terdekat yang menjalani Uji Swab bagi Surviliants Swab adalah masih memegang Kod BruHealth Hijau ataupun belum bertukar kepada Kod BruHealth Merah serta dikenal pasti berhubung secara langsung dengan ahli keluarga lain ataupun rakan sekerja yang telah mendapat Kod BruHealth Merah, adalah dikehendaki untuk memakai gelang tangan berwarna biru. Pusat ini ingin menekankan bahawa pemakaian gelang tangan adalah wajib dipakai di sepanjang tempoh PKD.

Kontak-kontak terdekat kes positif COVID-19 akan dihubungi dan dikenal pasti oleh pihak Kementerian Kesihatan. Seterusnya, mereka akan diperlukan untuk menjalani Uji Swab di Pusat-pusat Swab termasuk Pusat Swab pandu lalu selaras dengan PKD mereka.

Semasa menjalani Uji Swab, kontak-kontak terdekat akan diarahkan untuk memakai gelang tangan berwarna biru untuk menjalani pengasingan diri di rumah di bawah PKD mereka.

Pada tarikh tamat PKD, kontak-kontak terdekat yang memakai gelang tangan akan dihubungi oleh Pusat Panggilan Gelang Kuarantin (PPGK) untuk membuat pemeriksaan gelang tangan berkenaan sebelum membuat pelepasannya menerusi panggilan atas talian WhatsApp

Video Call.

Penyiasatan akan dijalankan jika gagal menjawab panggilan tersebut dan lawatan secara *ad-hoc* akan dibuat oleh Pasukan Lawatan ke Rumah (Home Visit Team - HVT) ke kediaman mereka. Pasukan yang bertugas akan membuat laporan kepada pihak berkuasa sekiranya tidak memberikan kerjasama semasa membuat lawatan tersebut.

Sejak 15 September 2021, sebanyak 14,813 gelang tangan biru telah pun dipasang di Pusat-pusat Swab. Manakala sebanyak 11,837 gelang telah pun dilepaskan secara dalam talian menerusi PPGK membuat panggilan bagi pelepasan gelang.

Operasi ini juga termasuk pelepasan gelang tangan merah bagi pesakit positif COVID-19 yang baru dipindahkan dari Pusat-pusat Pengasingan ke rumah persendirian untuk menyambung menjalani kuarantin sejak 23 September yang lalu. Oleh yang demikian, sebanyak 2,630 pelepasan gelang tangan merah telah pun dilaksanakan.

Dalam pada itu, terdapat sebarang maklumat yang kurang lengkap seperti nombor talian yang tidak tepat, boleh menyebabkan kesukaran buat pihak PPGK untuk menghubungi dan membuat pelepasan gelang tangan.

Oleh yang demikian, orang ramai disarankan untuk memastikan maklumat yang dikongsikan kepada Wristband Swab Centre adalah tepat dan lengkap. Bagi pesakit positif, dinasihatkan untuk menunjukkan *discharge ticket* diperolehi dari Pusat-pusat Pengasingan masing-masing sebelum berpindah ke rumah persendirian bagi tujuan pengesahan sebelum pelepasan gelang tangan boleh diteruskan.

Selain itu, pusat ini ingin mengingatkan kepada orang ramai untuk memuat turun aplikasi BruHealth dan mengemas kini maklumat peribadi mereka untuk melancarkan lagi pengesahan bagi pelepasan gelang tangan. Orang ramai juga dinasihatkan untuk sentiasa memberikan kerjasama sepanjang perhubungan bersama petugas.

Pada masa ini, Helpline PPGK secara purata menerima panggilan sebanyak 1,000 dalam satu hari. Di kesempatan ini, pihak PPGK memohon kerjasama orang ramai sekiranya ada kelewatan dalam menghubungi individu-individu yang masih memakai gelang tangan dan telah menamatkan PKD mereka tetapi belum dihubungi oleh pihak PPGK.

PPGK akan mempertingkatkan lagi usaha bagi melancarkan proses pelepasan gelang tangan, memandangkan peningkatan kontak-kontak terdekat dan orang awam yang memakai gelang tangan semakin meningkat.

Dalam hubungan ini, pusat ini ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian dan agensi-agensi yang terlibat seperti Kementerian Pertahanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Pendidikan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Radio Televisyen Brunei, Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkhiah, Jabatan Daerah Temburong, Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Pacuan Empat Roda dan Sukarelawan Belia, dalam berganding bahu dalam pelancaran operasi ini dan di atas kerjasama semua pihak tentunya sangat dihargai bagi memupuk lagi pendekatan secara menyeluruh dalam menangani penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk garis panduan pemakaian gelang tangan yang telah dimuat naik dalam pelbagai bahasa seperti English, bahasa Melayu, Mandarin dan Tamil di laman media sosial Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan melalui Facebook, Instagram dan halaman rasmi GOV.BN menerusi Telegram.

Bagi sebarang pertanyaan mengenai pemakaian gelang tangan, orang ramai boleh menghubungi talian Pusat Panggilan Gelang Kuarantin melalui WhatsApp +673 8150522 (Helpline 1) atau +673 8160522 (Helpline 2) semasa waktu operasi



**PUSAT Panggilan Gelang Kuarantin akan mempertingkatkan lagi usaha bagi melancarkan proses pelepasan gelang tangan, memandangkan peningkatan kontak-kontak terdekat dan orang awam yang memakai gelang tangan semakin meningkat.**

iaitu dari jam 9.00 pagi hingga 5.30 petang setiap hari atau melalui e-mel dihantarkan kepada [wristband.ndmc@gov.bn](mailto:wristband.ndmc@gov.bn).

Bagi sebarang aduan, orang awam boleh membuat laporan kepada Pusat Koordinasi Kebangsaan Menangani COVID-19 (N3C19) mengenai insiden seperti didapati keluar kediaman bagi mereka yang masih menjalani PKD dan memakai gelang tangan, melalui talian-talian berikut : +673 8176148, +673 8175148, +673 8166148; dan +673 8155148.

Pusat ini ingin menekankan lagi kepada orang ramai terutama sekali bagi mereka yang memakai gelang tersebut untuk tidak meninggalkan tempat kediaman sehingga PKD selesai, Kod BruHealth belum bertukar menjadi Hijau dan gelang berkenaan belum dilepaskan oleh PPGK.

Sepertimana kenyataan media Kementerian Kesihatan pada 11 September 2021 sesiapa yang melanggar peraturan penggunaan gelang tangan boleh didakwa di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggala 204) dan dikenakan kompaun sehingga BND5,000. Kerjasama dan perhatian orang ramai adalah sangat dihargai.

■ **SEJAK 15 September 2021, sebanyak 14,813 gelang tangan biru telah pun dipasang di Pusat-pusat Swab. Manakala sebanyak 11,837 gelang telah pun dilepaskan secara dalam talian menerusi PPGK membuat panggilan bagi pelepasan gelang.**

■ **ORANG ramai untuk memuat turun aplikasi BruHealth dan mengemas kini maklumat peribadi mereka untuk melancarkan lagi pengesahan bagi pelepasan gelang tangan. Orang ramai juga dinasihatkan untuk sentiasa memberikan kerjasama sepanjang perhubungan bersama petugas.**

# Selawat, sunnah manifestasi kecintaan Rasulullah



**PENSYARAH** Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), **Profesor Madya Dr. Abdurrahman Raden Aji Haqqi** ketika menyampaikan ceramah secara maya menerusi Aplikasi Zoom.

selesai mengerjakan solatnya.

Perkara tersebut antara yang diterangkan oleh Pensyarah Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Madya Dr. Abdurrahman Raden Aji Haqqi semasa menyampaikan ceramah secara maya menerusi Aplikasi Zoom, hari ini.

Pada Majlis Cinta Rasul Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sempena Sambutan Maulidur Rasul bagi Tahun 1443H/2021M, Profesor Madya juga menerangkan bagaimana kita untuk mencintai Rasulullah dengan memperbanyakkan selawat. Orang yang paling hampir dan dikenali Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah

orang yang sentiasa berselawat kepada Baginda.

Selain menziarahi makam Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kita juga hendaklah mengikut sunnahnya dan diterapkan dalam kehidupan kita seharian serta mengetahui dan membaca sejarah kehidupan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Ceramahnya bertajuk 'Rasulullah Kekasih Allah, Kekasihku Dunia Akhirat' juga menjelaskan perkataan cinta disebutkan sebanyak 76 kali di dalam Al-Quran. "Bila kita mencintai Allah, kita hendaklah mengikut Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam. Allah Subhanahu Wata'ala akan menjaga orang yang dicintai-Nya itu".

Profesor Madya turut menyatakan bahawa para sahabat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga memuji Baginda di dalam syair-syair mereka dan kerana itulah perlu dipersoalkan

apabila adanya suara-suara sumbang yang melarang untuk memuji Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran para pegawai Jabatan Hal Ehwal Masjid, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT), Muslimah dan belia-belia serta orang ramai.

Majlis tersebut merupakan anjuran secara kolaborasi AJKT Masjid Hassanul Bolkhiah Pekan Tutong dengan Kumpulan Belia Ibadurrahman. Bacaan Sayyidul Istighfar dan selawat beramai-ramai juga menyemarakkan majlis berkenaan.

Apa yang diharapkan, majlis seumpama ini dapat menambahkan kecintaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, mengajak kepada mengenali kehidupan Rasulullah dan juga bersama-sama memperbanyakkan selawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ihsan AJKT Masjid Hassanul Bolkhiah

**PEKAN TUTONG**, Ahad, 24 Oktober. - Kita perlu mencintai Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana Rasulullah sangat mencintai kita dan sentiasa mengambil berat akan kita.

Semua yang dilakukan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam adalah kerana kecintaan Baginda terhadap umatnya, agar semua daripada kita mendapatkan kenikmatan Islam.

Selain itu, Kekasih Allah itu sentiasa mendoakan umatnya setiap kali selepas Baginda